



**MOHD. FAUZI RAMLAN** (lima dari kiri) bersama pelajar cemerlang yang bakal menerima anugerah pada Pesta Konvo UPM 2014 sewaktu sidang akhbar di Bangunan Pentadbiran UPM, Serdang, Selangor, semalam.

## Konvokesyen UPM 1 hingga 4 November ini

**KUALA LUMPUR 27 Okt.** - Sebanyak 6,116 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) bakal menerima ijazah masing-masing bersempena Majlis Istiadat Konvokesyen UPM kali ke-38 yang akan diadakan bermula 1 hingga 4 November ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, jumlah itu melibatkan sebanyak 391 mahasiswa yang menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD), 2,123 penuntut Ijazah Sarjana (Master), 3,382 Ijazah Sarjana Muda dan 222 pelajar Diploma.

Beliau berkata, majlis konvokesyen tersebut akan berlangsung di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS) di universiti itu.

"Majlis ini akan berlangsung selama empat hari dan melibatkan lapan sesi di mana sesi satu dan sesi tiga akan disempurnakan oleh Sultan Selangor yang merupakan Tuanku Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Sesi selain itu akan disempurnakan oleh tiga Pro Canselor iaitu Tan Sri Dr. Nayen Ariffin; Tan Sri

Lim Ah Lek dan Tan Sri Rozali Ismail," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Muhammad Shatar Sabran; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin; Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof. Dr. Ir. V. Rengganth dan Ketua Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa, Rosdi Wah.

Dalam majlis konvokesyen itu juga, Mohd. Fauzi berkata, UPM akan menganugerahkan tiga Ijazah Kehormat iaitu Doktor Pengurusan Perladangan kepada Datuk Seri Abdul Wahab Maskan; Master Per suratan kepada Datuk Aripin Said dan Master Sains kepada Megawati Suzari.

"UPM juga akan menganugerahkan anugerah Profesor Emeritus kepada tiga kakitangan universiti itu iaitu Datuk Dr. Makhdzir Mardan, Dr. Md. Arif Hussein dan Dr. Zakaria Abdul Rashid," katanya.

Sementara itu beliau berkata,

UPM turut memperkenalkan dua hadiah universiti baharu iaitu hadiah Pingat Emas PhD dan Pingat Emas Master dengan Tesis pada tahun ini.

"Pingat itu masing-masing akan dianugerahkan kepada Pelajar PhD bidang Kejuruteraan Elektrik Kuasa iaitu Mohammad Efendy Yaacob dan pelajar Master Sains Keselamatan Makanan, Loo Yuet Ying.

"Sultan Sharafuddin turut berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang anugerah-anugerah peringkat universiti iaitu hadiah Pingat Emas Canselor, Pingat Emas Professor Emeritus Tan Sri Dr. Rashadhan Baba dan Pingat Putra Agribio kepada pelajar program Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, Anna Arina Ab. Halim.

"Selain itu baginda turut berkenan menganugerahkan hadiah Pingat Emas Pelajaran Diraja kategori bumiputera dan bukan bumiputera iaitu masing-masing kepada pelajar program Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan, Ana Masara Ahmad Mokhtar dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian, M. Sugentiran," katanya.